

# SRP, SPB terima sambutan menggalakkan

**KUALA LUMPUR 10 Mac** - Cagamas Bhd. (Cagamas), merekodkan sebanyak 5,635 permohonan bagi Skim Rumah Pertamaku (SRP) sejak ia dilancarkan pada 2011 dengan jumlah pembiayaan yang diluluskan sebanyak RM431.5 juta sehingga 31 Januari 2016.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong berkata, Bank Simpanan Nasional (BSN) yang juga merupakan rakan kerjasama bagi Skim Perumahan Belia (SPB) yang dilancarkan pada Oktober tahun lalu telah menerima sejumlah 1,732 permohonan dengan pembiayaan diluluskan bernilai RM215.5 juta sehingga hari ini.

Beliau berkata, jumlah tersebut adalah memberangsangkan dan sekali gus mencerminkan kesedaran awam mengenai skim SRP dan SPB yang diperkenalkan kerajaan semakin meningkat.

“Dengan peningkatan kesedaran orang ramai tentang SRP dan skim SPB adalah diharapkan bahawa golongan belia akan dapat merealisasikan impian mereka untuk memiliki rumah.



**CHUNG CHEE LEONG**

“Cagamas akan meneruskan usaha untuk memanfaatkan kekuatan kita dalam menyediakan penyelesaian inovatif untuk menggalakkan pemilikan rumah,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Skim SRP untuk pembeli rumah kali pertama membolehkan individu yang layak, berusia 40 tahun ke bawah untuk mendapatkan pembiayaan 100 peratus daripada bank-bank yang mengambil bahagian.